
KONSEP PENGAWASAN MORAL DAN HAK ASASI MANUSIA: TINJAUAN MENGIKUT PERUNDANGAN SYARIAH

The Concept of Moral Surveillance and Human Rights: An Overview from the Shariah Law

ⁱSyed Salim bin Syed Shamsuddin, ⁱⁱHasnizam bin Hashim

ⁱ(Corresponding Author) Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

syedsalim@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

hasnizam@usim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini melihat dan mengkaji konsep pengawasan moral dan hak asasi manusia menurut perundangan syariah serta kepentingannya dalam sebuah masyarakat Muslim khususnya di Malaysia. Artikel ini juga cuba untuk membetulkan salah faham tentang maksud sebenar konsep pengawasan moral yang dibawa oleh perundangan syariah seterusnya menyangkal dakwaan bahawa konsep ini bercanggah dengan hak asasi manusia justeru perlu disekat perlaksanaannya dalam masyarakat. Hak asasi manusia merupakan satu konsep yang diterima pakai oleh kebanyakan masyarakat dunia. Hak asasi manusia juga merupakan satu elemen penting dalam kehidupan yang perlu dipertahankan bagi menjamin keadilan dan keharmonian manusia sejagat. Islam sebagai agama yang syumul telah memartabatkan hak-hak asasi manusia dalam pelbagai hal termasuk yang berhubung kait dengan moral dan etika dengan menggubal undang-undang yang begitu komprehensif melibatkan setiap golongan individu, masa, tempat dan situasi. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif melalui analisis dokumen terhadap karangan para ulama silam

dan semasa yang berkaitan dengan permasalahan pengawasan moral dan hak asasi manusia. Hasil kajian mendapati bahawa pengawasan moral yang digariskan oleh perundangan syariah adalah selari dengan dengan hak asasi manusia. Tegasnya, apabila konsep pengawasan moral ini dilaksanakan ia dapat memelihara keharmonian masyarakat dan negara.

Kata Kunci: *Hak asasi manusia, pengawasan moral, perundangan syariah.*

ABSTRACT

This study investigates the concept of moral surveillance and human rights in accordance with the Shariah law and its significance to the Muslims, particularly in Malaysia. Furthermore, this study seeks to rectify the misinterpretation of the factual meaning of moral surveillance. It is also to disprove the allegation that this concept contravenes the rights of human beings, and hence should not be enforced in the society. The notion of human rights is accepted by most people on earth. Human rights are indispensable elements of life that must be preserved to ensure justice and harmony in a societal life. As a religion encompassing all aspects of life, Islam elevated human rights in various ways by outlining comprehensive laws to protect the human life in various circumstances. These laws include moral and ethical codes. This study adopted the descriptive qualitative method. Analyses were conducted on writings of the past and recent scholars on the issues of moral surveillance and human rights. This study concluded that moral surveillance outlined by Shariah law is in line with the notion of human rights. In fact, the concept of moral surveillance in Islam if implemented is able to preserve the harmonious life of the society and the nation.

Keyword(s): *Human rights, moral surveillance, shariah law.*

PENGENALAN

Hak kemanusiaan atau hak asasi manusia merujuk kepada hak yang dimiliki oleh semua insan. Konsep hak kemanusiaan adalah berdasarkan andaian bahawa semua insan memiliki satu bentuk hak yang sama, sebagaimana mereka memiliki identiti insan, yang tidak dipengaruhi oleh faktor tempatan, perkauman dan

kewarganegaraan (Anon. 2017). Pada dasarnya, hak asasi manusia yang dipraktikkan pada masa kini adalah berdasarkan kepada perisy蒂haran yang dibuat oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 10 Disember 1948. Perisy蒂haran yang dikenali sebagai Perisy蒂haran Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) ini telah membahagikan hak asasi manusia kepada empat kebebasan utama iaitu kebebasan daripada ketakutan, kebebasan daripada kemahanuan, kebebasan bersuara dan kebebasan kepercayaan. Ia menyenaraikan pelbagai hak asasi manusia, daripada hak sivil dan politik sehinggalah hak ekonomi, sosial dan kebudayaan (Anon. 2017; Shad Saleem Faruqi 2001).

Secara amnya, hak kemanusiaan boleh difahamkan dari dua segi, iaitu dari segi perundangan dan moral. Dari segi perundangan, hak kemanusiaan merupakan satu bentuk hak yang dinikmati oleh seseorang warganegara seperti apa yang telah termaktub dalam undang-undang negara berkenaan. Sebagai contoh, di Malaysia terdapat penerangan mengenai hak kemanusiaan yang terlindung di bawah Perlumbagaan Persekutuan. Percabulan hak kemanusiaan yang berkenaan mungkin akan membawa kepada implikasi tindakan undang-undang yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, pentakrifan hak kemanusiaan dari segi undang-undang adalah berbeza dari satu negara ke satu negara yang lain (Anon. 2017).

Dari segi moral, hak kemanusiaan merupakan satu tanggapan moral yang didukung oleh anggota masyarakat. Sehubungan dengan perkara ini, anggota masyarakat akan mengakui wujudnya hak tertentu yang harus dinikmati oleh setiap individu, yang dianggap sebagai ‘sebahagian daripada sifatnya sebagai manusia’, walaupun ia mungkin tidak termaktub dalam undang-undang. Maka anggota-anggota masyarakat berkenaan akan cuba mengelakkan diri daripada mencabuli hak masing-masing dengan penuh perasaan moral (Anon. 2017). Kewujudan, keabsahan dan isi kandungan hak kemanusiaan telah menjadi isu pendebatan dalam bidang falsafah dan sains politik. Dari segi perundangan, hak kemanusiaan telah termaktub dan diberi takrifan dalam undang-undang antarabangsa dan juga dalam undang-undang bagi sesetengah negara. Walaupun begitu, cara pentakrifan dan pelaksanaan hak kemanusiaan, sehingga ke

hari ini masih lagi memperlihatkan kepelbagaiannya (Shad Saleem Faruqi 2001).

Atas nama kebebasan atau *liberalisme*, segolongan manusia telah mengetepikan tentang kepentingan moral atau akhlak di dalam kehidupan mereka. Bagi mereka, kejujuran adalah tidak penting melainkan jika mereka mendapat manfaat daripadanya. Terdapat segolongan daripada mereka yang tidak percaya kepada kewujudan tuhan atas nama kebebasan. Bagi mereka harta atau material adalah segala-galanya dan merupakan ‘tuhan’ yang menentukan kebahagiaan mereka (Jamal Badawi 2010). Bagi mereka hak asasi bermaksud mereka bebas untuk melakukan apa sahaja mengikut kemahuan mereka tanpa sebarang sekatan atau halangan. Menurut mereka, perbuatan maksiat seperti pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita, berpakaian menjolok mata, berhibur di pusat-pusat hiburan di samping meminum arak dan berjudi adalah hak peribadi seseorang dan orang lain sama sekali tidak boleh campur tangan walaupun perbuatan itu sebenarnya bertentangan dengan ajaran agama (Nasimah Husin et.al. 2007).

Moral atau akhlak menurut perspektif syariah merupakan satu asas bersendikan Akidah yang membezakan perbuatan manusia sama ada baik atau buruk berdasarkan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Kepentingan untuk mewujudkan akhlak yang baik adalah merupakan tanggungjawab setiap individu dan masyarakat. Krisis-krisis yang berlaku dan dapat dilihat pada masa kini sama ada dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya adalah sebenarnya berpunca daripada krisis moral atau akhlak.

Negara-negara kuasa besar juga tidak terkecuali daripada berdepan dengan krisis keruntuhan moral. Di Amerika Syarikat umpamanya, saban tahun berlaku peningkatan bilangan bayi yang lahir tanpa hubungan perkahwinan dari remaja belasan tahun, pertambahan kes perceraian yang serius dan pertambahan bilangan rakyat Amerika yang berumur 20-an dan 30-an yang tinggal bersekedudukan tanpa ikatan perkahwinan (Fagan 1999). Fenomena yang berlaku ini menunjukkan betapa parahnya masalah keruntuhan moral yang dihadapi oleh dunia Barat.

Di Malaysia pula, sejak penghujung tahun 90-an sudah kedengaran suara-suara segelintir pihak yang mula

mempersoalkan tentang peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang syariah terutama yang berkaitan dengan isu moral. Bagi mereka peruntukan-peruntukan syariah tersebut perlu dikaji semula kerana ianya menafikan kebebasan dan hak asasi mereka sebagai rakyat dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Bagi mereka, apa sahaja yang mereka lakukan dan dengan siapa mereka bergaul adalah merupakan hak mutlak mereka. Tidak kurang juga ada di antara mereka yang mempertahankan bahawa persoalan moral adalah merupakan hak asasi manusia (Nasimah Husin et.al. 2007; Anon. 2005).

Beberapa isu telah menjadi hujah bagi mereka agar pihak pemerintah mengkaji semula perlaksanaan undang-undang syariah yang dianggap sebagai menyekat kebebasan dan hak asasi mereka. Di antara isu-isu tersebut ialah penahanan tiga orang wanita Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 1997, isu penahanan 31 orang Islam di premis yang menghidangkan arak oleh JAIS pada bulan Jun tahun 2000, isu penahanan seorang penyanyi perempuan oleh JAIS atas kesalahan menghina Islam dengan berada di premis yang menghidangkan arak pada bulan Jun 2000, isu penahanan 100 orang Islam oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ketika serbuan di kelab malam *The Zouk* Kuala Lumpur pada bulan Januari 2005 dan isu denda yang dikenakan ke atas seorang lelaki Kelantan berusia 68 tahun kerana tidak menunaikan sembahyang Jumaat tanpa sebab munasabah pada bulan Mac 2005 (Women's Aid Organisation 2005).

Selain itu, golongan tersebut juga mempertahankan gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang diterima oleh masyarakat Barat sebagai hak asasi dan cara hidup dan kini sedang meresap masuk ke dalam masyarakat Islam di Malaysia. Perlakuan dan tabiat yang bertentangan dengan sistem kehidupan normal manusia ini diperjuangkan di peringkat antarabangsa menerusi United Nation Human Right Convention (UNHRC) dan disokong oleh negara-negara besar dunia. Perkembangan perkara ini di Malaysia semakin rancak apabila golongan ini diberi pendedahan mengenai hak-hak mereka seperti mana hak yang diberi di negara-negara luar. Pelbagai isu

dan masalah timbul akibat tuntutan hak oleh golongan ini. Sejajar dengan perkembangan kumpulan-kumpulan LGBT di Malaysia, maka timbulah beberapa isu yang mengancam nilai agama, akhlak dan prinsip dan perundangan jenayah syariah (Mahfudzah Mohamad 2015).

Keadaan ini diburukkan lagi apabila terdapat segelintir masyarakat Islam yang membuat tafsiran sendiri berdasarkan apa yang mereka baca di dada-dada akhbar dan media-media sosial tanpa memahami sepenuhnya tentang ajaran Islam itu sendiri. Menurut syariat Islam, kebebasan yang diberikan perlulah dikawal berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah bagi menjamin kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhannya yang bertujuan untuk mencapai keredaan Allah SWT di samping mewujudkan masyarakat dan negara yang harmoni. Oleh itu, adalah penting untuk menjelaskan tentang kekeliruan atau salah faham terhadap konsep sebenar hak asasi manusia dan moral atau akhlak yang dimaksudkan oleh undang-undang syariah. Penulisan ini cuba untuk mengetengahkan kefahaman tentang kedua-dua konsep tersebut mengikut perundangan syariah serta peri pentingnya pengawasan moral atau akhlak dalam sesebuah masyarakat Muslim khususnya di Malaysia dalam melahirkan sebuah negara yang aman dan sejahtera. Ini kerana, sekiranya gejala negatif ini tidak ditangani dengan betul, implikasinya adalah buruk terhadap seluruh masyarakat dan negara.

KEFAHAMAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA DAN MORAL / AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW merupakan syariat Allah SWT yang terakhir, sekali gus sebagai pelengkap kepada syariat-syariat sebelumnya. Syariat ini disampaikan kepada seluruh umat manusia dan jin serta dijamin kesesuaianya dengan apa jua keadaan, tempat dan adat kebiasaan mereka. Justeru, syariat Islam merupakan syariat atau sistem perundangan hidup yang bersifat *murunah* (fleksibel) dan sentiasa menerima perubahan serta perkembangan sejajar dengan perkembangan ilmu dan masyarakat, selagi tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan dan nas-nas syarak yang putus (*qat'i*).

Syariat Islam merangkumi semua hukum agama sama ada yang berkaitan dengan kepercayaan (*al-i'tiqad/al-tawhid*), perbuatan bersifat praktis yang merangkumi hubungan seseorang individu dengan Tuhannya (*al-'ibadat*) dan hubungannya dengan masyarakat (*al-mu'amalat*) serta hal ehwal budi pekerti dan penyucian jiwa (*al-akhlaq/al-tasawwuf*). Menegakkan kebenaran dan keadilan terhadap individu dan masyarakat adalah merupakan agenda utama daripada tujuan syariat Islam (Khurram Murad 2003). Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

(Al-Quran, al-Maidah 5: 8)

Selain itu, syariat Islam juga bermatlamat untuk memelihara serta menjana *maslahah* (kebaikan dan manfaat) dan menolak serta mengelak *mafsadah* (keburukan dan bahaya) daripada kehidupan manusia. Secara asasnya terdapat lima perkara utama yang perlu dipelihara oleh setiap individu Muslim (*al-dharuriyyat al-khams*) yang merangkumi memelihara agama (*hifz al-din*), memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), memelihara keturunan atau kehormatan (*hifz al-nasl/al-'irdh*) dan memelihara harta (*hifz al-mal*). Apa jua perlakuan yang dilakukan oleh setiap individu Muslim atau yang diputuskan oleh pemerintah Muslim di dalam sesebuah negara Islam perlulah mengambil kira perkara-perkara ini agar kesejahteraan hakiki yang berteraskan acuan al-Quran dan al-Sunnah dapat diwujudkan di kalangan individu, masyarakat dan seterusnya negara. Syariat Islam telah menjelaskan sejak lebih 1400 tahun yang lalu bahawa setiap manusia yang dilahirkan adalah merdeka dan pada masa yang sama adalah suci daripada

dosa, tidak seperti dakwaan sesetengah kepercayaan yang lain (Michael Keene 2002). Dalam hal ini Nabi Muhammad SAW telah menyatakan bahawa:

“Setiap manusia itu adalah dilahirkan di dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka kedua ibu bapanya lah yang bertanggungjawab untuk mencorakkannya sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”. (Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Musnad Abi Hurairah radhiAllahu ‘anhу, no. 7181, Jil. 12, hlm. 104)

Saidina Umar al-Khattab RA pernah berkata, “Sejak bilakah kamu boleh memperhambakan manusia lain sedangkan mereka dilahirkan oleh ibu-ibu mereka dalam keadaan merdeka?” (Al-‘Amir 2012). Bahkan syariat Islam menegaskan bahawa status manusia adalah sama di sisi Allah SWT. Apa yang membezakan kedudukan mereka di sisi Allah SWT ialah takwa dan amal soleh. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi Amat Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

(Al-Quran, al-Hujurat 49: 13)

Al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi Perlembagaan Islam dengan secara jelas telah mengiktiraf hak asasi setiap insan yang mencakupi pelbagai segi (Al-Ghazali 2005). Menurut syariat Islam, setiap individu mempunyai hak untuk hidup serta menghargai kehidupannya dan menghormati kehidupan orang lain. Justeru syariat Islam menegaskan bahawa sesiapa yang melakukan pembunuhan terhadap manusia seolah-olah dia telah membunuh umat manusia secara keseluruhannya dan sebaliknya (Al-Quran, Al-Maidah 5: 32). Oleh itu, hukuman *qisas* telah disyariatkan bagi memelihara perlanggaran hak seseorang individu ke atas individu yang lain. Pada masa yang sama, syariat Islam juga menegaskan bahawa adalah haram untuk melakukan apa juga perkara yang boleh mendatangkan

kemudaranan ke atas diri sendiri kerana kehidupan adalah merupakan suatu anugerah dan amanah Allah SWT (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 195).

Selain daripada itu, menurut syariat Islam juga setiap individu berhak untuk mendapat perlindungan daripada hukuman yang dilaksanakan secara sewenang-wenangnya (Al-Quran, Al-Furqan 25: 19). Bahkan Islam menegaskan bahawa sesipa yang berlaku zalim atau bersekongkol dengan kezaliman akan mendapat kemurkaan Allah SWT (Al-Quran, Hud 11: 113).

Sekiranya ditinjau dari sudut sejarah, konsep hak asasi ini telah pun dinyatakan di dalam Piagam Madinah yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW mengikut bimbingan wahyu dan berdasarkan norma-norma masyarakat Madinah pada ketika itu. Secara ringkasnya, hak asasi manusia yang terkandung di dalam Piagam Madinah bolehlah diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama iaitu (Anon. 2016; Al-Maududi 1993):

1. Hak untuk hidup.

Fasal 14 di dalam Piagam Madinah menyatakan tentang larangan pembunuhan terhadap seseorang Mukmin untuk kepentingan orang kafir dan tidak boleh seseorang Mukmin memberi bantuan kepada orang kafir untuk membunuh Mukmin yang lain. Fasal 19 menegaskan bahawa setiap orang Mukmin hendaklah saling membela sesama mereka atas setiap darah yang tumpah pada jalan Allah SWT. Fasal 21 turut menjelaskan bahawa barang siapa yang membunuh seseorang Mukmin yang lain dengan sewenang-wenangnya tanpa bukti yang cukup dia hendaklah dihukum bunuh balas, kecuali apabila pembunuh tersebut dimaafkan oleh keluarga yang kena bunuh.

2. Hak untuk memperoleh kebebasan.

Kebebasan dalam konteks ini terbahagi kepada empat perkara iaitu:

a. Kebebasan untuk mengeluarkan pandapat serta pandangan.

Syariat Islam telah mensyariatkan *musyawarah/syura* sebagai medium untuk menyelesaikan sesuatu salah faham yang timbul akibat perselisihan faham atau untuk mengeluarkan pendapat serta pandangan. Secara langsung pensyariatan *syura* merupakan

suatu bentuk pengiktirafan terhadap kebebasan bersuara dan mengeluarkan pandangan.

b. Kebebasan untuk memilih agama.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 256 dan surah al-Kafirun ayat 1-6 jelas menerangkan bahawa setiap individu adalah bebas untuk memilih agama dan kepercayaan masing-masing tanpa sebarang paksaan. Fasal 25 Piagam Madinah menyatakan bahawa “kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang Mukmin, mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri”.

c. Kebebasan untuk memiliki harta dan bebas dari kemiskinan.

Syariat Islam menganjurkan umatnya untuk saling bantu membantu di antara satu sama lain di dalam perkara kebaikan (Al-Quran, Al-Maidah 5: 2). Bahkan syariat Islam menganjurkan umatnya untuk mencari kekayaan sebanyak yang mungkin dengan cara yang diiktiraf oleh syarak agar dapat dimanfaatkan untuk pembangunan masyarakat dan negara. Sikap tolong menolong yang dianjurkan Islam ini tidak hanya terbatas di kalangan sesama Muslim, bahkan turut digalakkan untuk bekerjasama sesama bukan Muslim selagi mana perkara itu boleh mendatangkan kebaikan dengan syarat bahawa ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak (Al-Quran, Al-Mumtahanah 60: 8). Perlembagaan Madinah sekali lagi menyatakan dengan jelas bahawa usaha untuk membangunkan negara dan masyarakat adalah merupakan usaha kolektif dan bukannya terletak pada bahu individu tertentu sahaja (Fasal 24 dan 38).

d. Kebebasan untuk hidup dengan aman dan bebas dari rasa takut.

Adanya sistem perundangan Islam yang merangkumi pembalasan terhadap kesalahan *hudud*, *qisas* dan *ta’zir* memberi jaminan keamanan bagi setiap individu sama ada Islam atau bukan Islam. Fasal 40 Piagam Madinah menyatakan bahawa jiran tetangga hendaklah diperlaku sebagai diri sendiri, tidak boleh dilakukan terhadapnya sebarang bahaya dan dosa. Fasal 41 pula menyatakan bahawa tidak boleh dihampiri sebarang

kehormatan (wanita) melainkan dengan izin keluarganya sendiri. Fasal 44 menyatakan bahawa hendaklah bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang menceroboh. Fasal 47 pula menyatakan bahawa penduduk Madinah adalah dijamin keselamatannya melainkan orang-orang yang zalim atau didapati bersalah.

3. Hak untuk mencari kebahagian hidup berpandukan ajaran Allah SWT dan Rasul-Nya.

Piagam Madinah yang digubal oleh Nabi SAW dengan jelas meletakkan nama Allah SWT pada posisi paling atas bagi menggambarkan bahawa kebahagiaan yang ingin dicapai bukan hanya terbatas kepada perkara duniai sahaja bahkan yang lebih utama merangkumi kebahagiaan ukhrawi.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, akhlak adalah merupakan salah satu komponen penting dalam syariat Islam. Ketiadaan komponen ini akan menyebabkan kehancuran umat dan negara Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa perundangan syariah amat menitikberatkan persoalan akhlak dan memastikan bahawa setiap individu Muslim berkelakuan baik mengikut garis panduan yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Menurut syariat Islam, seseorang itu bebas untuk melakukan apa sahaja selagi mana ianya tidak melanggar hak Allah SWT dan hak manusia lain (Hammudah Abdalati 1998). Menurut syariat Islam juga, perlakuan yang bertentangan dengan akhlak atau ajaran Islam adalah merupakan jenayah yang boleh dikenakan hukuman walaupun ianya tidak melibatkan individu lain, berbeza dengan undang-undang sivil yang hanya mengambil kira sesuatu perbuatan itu sebagai kesalahan jenayah sekiranya perbuatan tersebut menggugat ketenteraman masyarakat (Nasimah Husin et.al. 2007).

PRINSIP ASAS HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Secara ringkasnya, hak asasi manusia menurut perspektif syariah adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

1. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Beriman kepada Allah SWT bererti mempercayai bahawa semua makhluk di alam ini termasuk manusia adalah milik Allah SWT. Dialah Tuannya dan Dialah sahaja yang berhak mengatur perjalanannya. Dia mengetahui apa yang zahir dan apa yang tersembunyi. Semua perkara yang mengatur perjalanan hidup manusia hendaklah bersumber daripada-Nya. Sebagai Tuhan yang menjadikan manusia, sudah pasti Allah SWT menghendaki yang terbaik buat kehidupan manusia keseluruhannya di dunia dan akhirat (Haron Din et.al. 2001). Manusia sebagai makhluk perlulah mentaati-Nya. Faedah ketaatan ini sebenarnya akan kembali kepada kehidupan manusia itu sendiri.
2. Manusia menurut syariat Islam adalah merupakan makhluk Allah SWT yang paling mulia dan istimewa jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain (Al-Quran, Al-Tin 95: 4). Manusia telah diberikan sifat-sifat khusus dan pelbagai kelebihan berbanding dengan makhluk lain bagi membolehkannya menanggung amanah Allah SWT dan seterusnya melaksanakan perintah-Nya dengan melakukan kebaikan di muka bumi. Manusia menurut syariat Islam boleh menjadi lebih mulia daripada malaikat sekiranya melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Oleh itu, manusia akan dianggap mulia selagi mana ia memenuhi tuntutan syarak dan begitulah jugalah sebaliknya. Hakikat yang mengatakan bahawa manusia sebagai hamba Allah SWT yang terpaksa melakukan itu dan ini bukanlah satu penghinaan, sekatan kepada kebebasan atau kehinaan kepada manusia. Sebaliknya gelaran sebagai seorang hamba Allah SWT adalah merupakan gelaran yang paling tinggi dan mulia buat seseorang manusia (Al-Quran, Al-Fajr 89: 27-30).

Kehambaan diri manusia kepada Allah SWT pada hakikatnya adalah kemuliaan, keagungan dan kekuatan. Ianya secara langsung menyentuh tentang soal pentadbiran dan perhubungan sesama manusia yang berdasarkan sistem Tauhid yang juga merangkumi persoalan akhlak. Kehinaan yang paling hina ialah kehambaan manusia kepada sesama manusia atau makhluk tanpa sebarang peraturan yang mengikat (Haron Din et.al. 2001). Hakikat ini telah diungkapkan oleh Saidina Rib'i bin

‘Amir Al-Thaqafi RA kepada Rustum pemerintah Parsi sebelum bermulanya perperangan Qadisiyyah dengan katanya, “Allah telah mengutus kami untuk mengeluarkan sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dari penghambaan terhadap sesama hamba kepada penghambaan kepada Allah, dari kesempitan dunia kepada keluasannya dan dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam” (Ibn Kathir 1999).

3. Manusia merupakan khalifah Allah untuk memakmurkan kehidupan di muka bumi. Sebagai khalifah, manusia adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas terhadap agama Allah (Islam) yang telah diberikan kepada manusia. Tanggungjawab untuk melaksanakan amanah ini tidak hanya terbatas untuk diri sendiri, malahan untuk keluarga, masyarakat dan negara. Allah SWT telah mengutus para Nabi dan Rasul ‘alaihimussolatu wassalam untuk membantu manusia menerangkan tentang bagaimana untuk melaksanakan amanah ini. Ini tidak bermaksud bahawa syarak merendahkan daya kemampuan akal manusia, tetapi sebaliknya syarak menghormati akal manusia dengan meletakkan akal pada batas daerah kemampuan serta menegaskan batas daerah yang di luar kemampuannya bagi menjamin kehidupan yang kekal sejahtera (Haron Din et.al. 2001). Oleh yang demikian, segala perbuatan manusia sama ada baik atau buruk akan dipertanggungjawabkan terhadap pelakunya. Falsafah kehidupan manusia yang merupakan makhluk ciptaan Allah SWT seharusnya selari dengan hakikat kejadiannya.
4. Manusia telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan akal fikiran yang membolehkannya berfikir bagi membezakan di antara perbuatan yang baik dan buruk. Walaupun manusia cuba menjustifikasi perbuatan buruk yang mereka lakukan dengan mengatakan bahawa ianya adalah merupakan sesuatu yang baik, namun fitrah semulajadi mereka sebagaimana yang dijadikan oleh Allah SWT akan tetap menafikannya dan begitu jugalah sebaliknya.

Berdasarkan kepada huraian di atas, jelaslah bahawa akhlak ialah salah satu komponen terpenting ajaran Tauhid. Akhlak memainkan peranan penting di dalam memelihara hak

asasi individu dan masyarakat sesuai dengan tuntutan agama dan fitrah kejadian manusia itu sendiri.

MENGAPA PERUNDANGAN SYARIAH MENEKANKAN PERSOALAN PENGAWASAN MORAL?

Walaupun manusia boleh dipisahkan daripada bidang ilmu atau pemikiran, bahkan juga daripada agama dan kepercayaan, tetapi ia tidak boleh dipisahkan daripada akhlak atau moral. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia sama sekali tidak akan terkeluar daripada lingkungan hukuman baik atau jahat sama ada disedari atau tidak. Sebelum seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan sama ada terhadap dirinya atau orang lain ataupun benda lain, ia sangat memerlukan jawapan atau fatwa dari dalam dirinya untuk menyatakan sama ada perbuatan yang dilakukannya itu baik atau tidak. Jika baik jawapannya, maka itu adalah akhlak yang baik dan perlu dilakukan dan begitu jugalah sebaliknya. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Mintalah fatwa dari hatimu. Kebajikan itu ialah suatu perkara yang diri dan hati merasa tenang tenteram terhadapnya, dan dosa itu ialah suatu perkara yang tergetar dalam dirimu dan teragak-agak di hati, sekalipun ada orang yang memberikan fatwa kepadamu dan mereka memberikan fatwa kepadamu”. (Al-Nawawi, Riyadhu al-Solihin, bab al-wara' wa tark al-syubhat, no. 600, hlm. 246)

Dari sini jelaslah akhlak mempunyai kedudukan yang penting di dalam kehidupan manusia sehingga di kalangan orang yang tidak bermoral sekalipun merasakan perlu adanya suatu akhlak yang dipersetujui bersama oleh mereka supaya dapat mengatur kehidupan yang lebih baik menurut pandangan mereka (Haron Din et.al. 2001). Bahkan kepada manusia yang tidak mengakui agamapun, akhlak adalah sebagai gantinya kepada mereka.

Perundangan syariah menegaskan bahawa akhlak atau moral tidak boleh dipisahkan daripada ajaran Islam itu sendiri. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran bahawa fitrah kejadian manusia itu berkecenderungan untuk melakukan kejahatan dan kebaikan (Al-Quran, Al-Syams

91: 7-10). Dalam pada itu, al-Quran menegaskan bahawa model serta suri teladan kepada akhlak itu ialah Nabi Muhammad SAW sendiri (Al-Quran, Al-Ahzab 33: 21). Malahan salah satu matlamat utama perutusan Rasullullah SAW adalah untuk menguatkuasakan akhlak yang baik di kalangan manusia.

Menurut Ibn Manzur (1990), akhlak ialah perkataan Arab yang membawa maksud penciptaan (*khalq*) dan juga kelakuan atau sifat peribadi (*khuluq*). Kelakuan atau sifat peribadi atau *khuluq* (bentuk jamaknya *akhlaq*) merangkumi kedua-dua dimensi rohani dan jasmani. Nabi SAW menjelaskan bahawa baik buruk perlakuan seseorang adalah bergantung kepada hati nuraninya. Nabi SAW pernah bersabda maksudnya:

“Ketahuilah bahawa dalam diri manusia terdapat segumpal daging, sekiranya daging itu baik maka akan baiklah keseluruhan jasadnya, dan sekiranya daging itu rosak, maka akan rosaklah keseluruhan jasadnya, ketahuilah daging itu ialah hati”. (al-Nawawi, Riyad al-Solihin, bab al-wara‘ wa tark al-syubhat, no. 600, hlm. 245)

Menurut Imam Al-Ghazali (1994) di dalam kitabnya *Ihya’ ‘Ulum al-Din* akhlak merujuk kepada keadaan jiwa yang kukuh dan stabil, timbul daripadanya perbuatan-perbuatan fizikal sama ada baik atau buruk secara mudah dan spontan tanpa seseorang itu perlu berfikir terlebih dahulu sebelum melakukannya. Sekiranya perlakuan atau akhlak yang lahir daripada rohani ini diktiraf oleh akal yang waras dan syarak, ia dikira sebagai perlakuan atau akhlak yang baik dan begitulah sebaliknya.

Akhlik dalam syariat Islam merupakan suatu panduan perlakuan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah yang peranannya mengawal dan mengatur gerak laku perbuatan manusia supaya saling bergerak ke arah perkara yang membawa kepada kebaikan yang lebih sempurna sesuai dengan matlamat penciptaannya. Fariq Gasim Anuz (2002) meringkaskan kepentingan akhlak atau moral menurut perundangan syariah seperti berikut:

1. Misi utama pengutusan Nabi SAW ialah menguatkuasakan akhlak yang baik di kalangan manusia. Sabda Nabi SAW yang

bermaksud: “*Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik*” (Al-Baihaqi, Al-Sunan al-Kabir, bab bayan makarim al-akhlaq wa ma‘aliha allati man kana mutakhalliqan biha kana min ahl al-muru’ah allati hiya syart fi qabul al-syahadah ‘ala toriq al-ikhtisar, no. 20819, Jil. 21, hlm. 28).

2. Akhlak merupakan agama Islam itu sendiri dan akhlak seseorang itu menggambarkan tahap keimanan dan ketakwaannya. Imam Al-Ghazali (1994) telah menukilkan sebuah hadis Nabi SAW dalam kitabnya *Ihya’ Ulum al-din* yang bermaksud: “*Agama itu ialah akhlak yang baik*”. Baginda SAW juga telah bersabda maksudnya: “*Sesungguhnya orang yang paling baik akhlaknya ialah orang yang paling baik agamanya*” (Al-Asbahani, Hilyatul auliya’ wa tabaqat al-asfiya’, Maimun bin Abi Syabib, hlm. 376), “*Orang yang paling sempurna dari segi keimanannya ialah yang paling elok akhlaknya*” (Al-Nawawi, Riyadhu al-solihin, bab al-wara’ wa tark al-syubhat, no. 640, hlm. 255).

3. Akhlak yang baik merupakan asas kepada kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Ianya juga menjadi penyebab tingginya darjat seseorang hamba itu di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“*Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaaskan mereka, akan pahala mereka, dengan balasan yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan*”.

(Al-Quran, al-Nahl 16: 97)

Sabda Nabi SAW, maksudnya, “*Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan (seseorang Mukmin pada hari Kiamat kelak) daripada akhlak yang baik*” (al-Bukhari, al-Adab al-mufrad, bab husn al-khuluq, no. 273, hlm. 67), “*Sesungguhnya orang paling aku cintai di kalangan kamu dan yang paling hampir denganku pada hari Kiamat kelak adalah yang paling baik akhlaknya di kalangan kamu*” (Al-Nawawi, Riyadhu al-solihin, bab al-wara’ wa tark al-syubhat, no. 643,

hlm. 255), “*Akhhlak yang baik dan jiran tetangga yang baik kedua-duanya menjadikan rumah makmur dan menambah umur*” (Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Hadith Al-Sayyidah ‘Aisyah radhiAllahu ‘anha, no. 25259, hlm. 153).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, tidak hairanlah mengapa syariat Islam amat menitikberatkan persoalan akhlak demi mempastikan supaya setiap Muslim berkelakuan baik sepetimana yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Akhlak Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW dari segi prinsipnya bersifat umum dan tetap serta melewati batas undang-undang ciptaan manusia sama ada dari segi kesan mahupun perlaksanaannya kerana ianya dihubungkan secara langsung dengan prinsip ketuhanan (Haron Din et.al. 2001).

Ini sama sekali berbeza dengan undang-undang sivil ciptaan manusia yang hanya akan menganggap sesuatu perbuatan itu sebagai kesalahan atau jenayah hanya apabila ianya menggugat ketenteraman orang lain. Menurut perundangan Islam, sesuatu yang bertentangan dengan syariat adalah merupakan jenayah dan sekaligus merupakan kesalahan moral yang boleh dikenakan hukuman walaupun ianya tidak melibatkan orang lain. Perbuatan khalwat, minum arak, berjudi, berpakaian menjolok mata, pergaulan bebas, berzina dan sebagainya adalah kesalahan yang menyalahi akhlak atau moral dan perlu dicegah oleh setiap individu, masyarakat dan negara. Ini kerana sekiranya perbuatan tidak bermoral ini tidak ditangani dengan cara yang sewajarnya pada peringkat awal lagi, ianya bukan hanya akan membinasakan pelakunya sahaja bahkan akan mengancam ketenteraman masyarakat dan menyebabkan pelbagai masalah sosial yang akhirnya boleh meruntuhkan kesejahteraan negara (Nasimah Husin et.al. 2007).

Oleh itu, syariat Islam telah meletakkan kewajipan ke atas setiap individu Muslim, masyarakat dan para pemerintah untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar sebagai *sadd al-zara’i* atau menutup pintu kepada jalan yang membawa kepada perlakuan tidak bermoral demi kemaslahatan umum. Firman Allah SWT maksudnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

(Al-Quran, Ali ‘Imran 3: 104)

KONSEP PENGAWASAN MORAL DALAM MASYARAKAT TIDAK BERTENTANGAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

Syariat Islam tidak diturunkan untuk menghukum manusia, bahkan ia diturunkan untuk mendidik manusia ke arah kehidupan yang sejahtera duniawi dan ukhrawi. Menurut perundangan Islam hukuman merupakan jalan terakhir demi memelihara kemaslahatan umum sekiranya semua langkah pencegahan yang diambil gagal. Dalam erti kata lain, kemaslahatan umum mengatasi kemaslahatan individu (Al-Zuhaili 1998). Tujuannya adalah jelas iaitu untuk memelihara tujuan pensyariatan hukum Islam (*maqasid al-syari‘ah*) yang lima. Langkah pencegahan adalah merupakan sesuatu yang penting dalam syariat Islam. Bagi melahirkan manusia yang bermaruah dan berakhhlak mulia, rohani manusia perlulah diisi dengan ilmu dan iman yang merupakan sebagai langkah pencegahan awal di peringkat individu. Ini kerana agamalah yang menjadi tenaga dan pencetus utama untuk membentuk peribadi yang baik dan akhlak yang terpuji (Haron Din et.al. 2001). Sekiranya masih berlaku perlanggaran akhlak, barulah hukuman akan dikenakan setelah mengambil kira faktor-faktor mengapa kesalahan itu dilakukan. Bagi tujuan ini, syariat Islam telah memperuntukkan hukuman yang berbentuk *hudud*, *qisas* dan *ta’zir* demi untuk memelihara dan mengekalkan keharmonian masyarakat.

Syariat Islam juga amat menekankan tentang perihal pentingnya seseorang individu Muslim itu mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. Ini kerana apabila seseorang itu memahami sepenuhnya hak-hak Allah SWT ke atas dirinya maka ia secara langsung akan berlaku baik dengan sesama makhluk Allah SWT (‘Uqlah 1986). Dia akan memahami bahawa apa juanya perkara yang dia tidak suka diperlakukan oleh orang lain ke atas dirinya, juga tidak disukai oleh orang tersebut

apabila diperlakukan kepadanya. Pernah pada satu ketika seorang lelaki datang berjumpa Rasulullah SAW untuk mendapat keizinan bagi melakukan perbuatan zina. Rasulullah SAW dengan penuh berhikmah bertanya kepada lelaki tersebut adakah dia suka sekiranya orang lain berzina dengan ahli keluarganya yang perempuan. Lelaki itu menjawab tidak, dan Rasulullah SAW bersabda kepadanya bahawa orang lain juga turut tidak suka sekiranya diperlakukan sedemikian ke atas ahli keluarga mereka (Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Ansar, Hadith Abi Umamah al-Bahili, no. 22211, hlm. 545).

Manusia merupakan makhluk Allah SWT yang terdiri daripada dua unsur utama yang saling berkaitan serta tidak dapat dipisahkan iaitu jasmani dan rohani. Unsur rohani pula terbahagi kepada dua. Pertamanya, naluri yang tunduk di bawah akal yang waras yang membolehkannya membezakan di antara perkara yang baik dan buruk. Keduanya ialah naluri yang tunduk kepada hawa nafsu yang merosak (Haron Din et.al. 2001). Tanpa bimbingan agama dan nasihat-menasihati yang berterusan sudah pasti manusia akan cenderung kepada kerosakan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani”

(Al-Quran, Yusuf 12: 53).

Di samping itu faktor persekitaran turut mempengaruhi perbuatan dan tingkah laku manusia. Sekiranya persekitaran itu tidak baik, maka akhlak atau moral seseorang itu juga akan turut terjejas. Rasulullah SAW pernah menceritakan bahawa pernah pada suatu ketika seorang lelaki telah membunuh seramai 100 orang dan kemudian bertanya kepada seorang alim bagaimana untuk dia bertaubat. Orang alim itu mengatakan kepadanya bahawa hendaklah ia berhijrah ke tempat lain kerana tempat yang didiaminya pada ketika itu penuh dengan perlakuan mungkar (Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad bin

Hanbal, Musnad al-Ansar, Musnad Abi Said al-Khudri radhiAllahu ‘anhу, no. 11154, hlm. 545).

Atas dasar inilah institusi *hisbah* begitu penting untuk mengekalkan tatasusila yang baik di kalangan umat (Zaydan 1998). Walau bagaimanapun, perlaksanaannya perlulah mengikut garis panduan tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Antaranya, tidak boleh melakukan *tajassus* (mengintip mencari-cari kesalahan orang lain) secara melulu tanpa ada unsur keraguan, aduan dan bukti, tidak boleh mengherdik, mengugut, menggunakan perkataan keji, tidak boleh menghukum orang yang melakukan kesalahan disebabkan kejahilannya, menasihati terlebih dahulu dengan cara yang baik, menerangkan implikasi perbuatan tidak bermoral tersebut ke atas pelakunya dan masyarakat, memberi amaran sekiranya nasihat tersebut tidak dipedulikan dan sebagainya (Al-Ghazali 1994).

Di Malaysia, ekoran daripada tuntutan Jawatankuasa Parlimen berkaitan dengan Hak Asasi Manusia dan 50 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya dihapuskan undang-undang untuk menjaga moral individu yang didakwa sebagai melanggar prinsip hak asasi manusia, Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan telah bersidang pada 14 April 2005 untuk membincangkan perkara tersebut. Jawatankuasa ini telah memutuskan bahawa menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mempertahankan amar makruf dan nahi mungkar dalam menangani masalah moral seperti yang dituntut agama kerana kerosakan moral membawa bencana kepada negara. Penguatkuasaan undang-undang berteraskan amar makruf dan nahi mungkar adalah satu keperluan bagi mempertahankan kewibawaan rakyat dan imej negara. Pengurus Majlis Fatwa Kebangsaan ketika itu, Datuk Dr. Ismail Ibrahim, menegaskan bahawa persoalan amar makruf nahi mungkar telah dihuraikan dengan jelas di dalam al-Quran dalam surah Ali ‘Imran ayat 110. Dalam hubungan ini, Nabi Muhammad SAW memberikan tanggungjawab kepada pemerintah untuk menjaga kewibawaan rakyat termasuk dari sudut akhlak. Dalam sebuah hadis, Baginda SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya

(kuasanya), sekiranya ia tidak mampu (untuk mengubahnya dengan kuasa), maka ubahlah dengan lidahnya, sekiranya ia tidak mampu, maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman". (Al-Nawawi, Riyadhu al-solihin, bab fi al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar, no. 191, hlm. 112)

Datuk Dr. Ismail seterusnya menegaskan bahawa tidak ada undang-undang di dunia yang memberikan kuasa mutlak kepada individu atau membolehkan manusia bertindak sesuka hati melebihi undang-undang, walaupun dalam memenuhi hak individu itu sendiri (Nasimah Husin et.al. 2007). Berkenaan dengan isu LGBT, kerajaan dengan tegas mengatakan bahawa di Malaysia pengamal kehidupan songsang ini tidak akan mendapat "hak-hak" yang mereka tuntut, walaupun Perlembagaan Persekutuan memberikan hak perlindungan sama rata kepada semua rakyat Malaysia di bawah peruntukan undang-undang (Shazwan Mustafa Kamal 2015).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, menurut perspektif syariah pengawasan moral merupakan sesuatu yang amat penting dan sama sekali tidak bertentangan dengan hak asasi manusia. Bahkan pengawasan moral itu sendiri adalah bertujuan untuk mempastikan bahawa hak asasi setiap individu dalam sesebuah masyarakat dan negara sentiasa terpelihara dan dihormati. Kewajipan ini terletak di atas setiap bahu individu lebih-lebih lagi para pemerintah. Kesedaran individu dan masyarakat tentang pentingnya akhlak sahaja tidak mencukupi untuk mengawal perilaku mereka. Bahkan ianya memerlukan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berdasarkan garis panduan tertentu yang diiktiraf mekanisme perlaksanaannya oleh syarak. Ini kerana sekiranya persoalan tentang akhlak atau moral ini tidak diambil berat, hal ini akhirnya akan mengancam keharmonian masyarakat dan negara.

RUJUKAN

'Uqlah, Muhammad. (1986). *Al-Nizam al-akhlaqi fi al-Islam*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

- Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Tahkik: Syuaib al-Arnaut, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-'Amir, Ahmad bin Abdul Aziz. (2012). Al-Islam awwalu man karrama al-insan wa a'tohu huquqahu. *Al-Bayan*. <http://www.albayan.co.uk/Article2.aspx?id=1806> [14 September 2017].
- Al-Asbahani, Abu Nu'aim Ahmad bin Abdullah. (1988). *Hilyatul auliya' wa tabaqat al-asfiya'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin Husain. (2011). *Al-Sunan al-kabir*. Tahkik: Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki. Jizah: Hajar.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1996). *Al-Adab al-mufrad*. Ed. ke-2, Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Ghazali, Muhammad Abu Hamid. (1994). *Ihya' 'ulum al-din*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2005). *Huquq al-insan baina ta'alim al-Islam wa i'lana al-umam al-muttahidah*. Ed. ke-4. Kaherah: Nahdah Misr.
- Al-Maududi, Abu Al-A'la. (1993). *Human rights in Islam*. Leicestershire: The Islamic Foundation.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (2015). *Riyadh al-solihin*. Ed. ke-7. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *Usul al-fiqh al-Islami*. Jil. 1. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anon. (2005). Stop the policing of morality, say NGOs. *The Star*, 23 Mac. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2005/03/23/stop-the-policing-of--morality-say-ngos/#s2cbWXq4KU9xy11h.99> [13 September 2017].
- Anon. (2016). Piagam Madinah. http://ms.wikipedia.org/wiki/Piagam_Madinah [13 September 2017].
- Anon. 4 September 2017. Hak asasi manusia. http://ms.wikipedia.org/wiki/Hak_asasi_manusia [13 September 2017].

- Fagan, Patrick F. (1999). How broken families rob children of their chances for future prosperity. *The Heritage Foundation*. <http://www.heritage.org/marriage-and-family/report/how-broken-families-rob-children-their-chances-future-prosperity> [13 September 2017].
- Fariq Gasim Anuz. (2002). *Bengkel akhlak*. Jakarta: Darul Falah.
- Hammudah Abdalati. 1998. *Islam in focus*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Haron Din et. al, (2001). *Manusia dan Islam*. Jil. 1&2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, Ismail bin ‘Umar al-Dimasyqi. (1999). *Al-bidayah wa al-nihayah*. Tahkik: Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki. Jil. 9. Jizah: Hajar.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin bin Muhammad. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Jamal Badawi. (2010). Moral teachings in Islam, main ethical questions. http://www.jamalbadawi.org/index.php?option=com_content&view=article&id=85:61-moral-teachings-in-islam-main-ethical-questions&catid=18:volume-6-moral-teachings-of-islam [13 September 2017].
- Keene, Michael. (2002). *World religions*. Oxford: Lion Publishing plc.
- Khurram Murad. (2003). *Shariah: the way of justice*. Leicestershire: The Islamic Foundation.
- Mahfudzah Mohamad. (2015). Lesbian, gay, biseksual dan transgender: perspektif undang-undang jenayah syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 19: 29-36.
- Nasimah Husin et.al. (2007). *Undang-undang Islam: jenayah keterangan dan prosedur*. Jil. 13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shad Saleem Faruqi. (2001). The human rights and constitutional perspective. *INSAF – The Journal of the Malaysian Bar* (special issues on freedom of religion): 24.
- Shazwan Mustafa Kamal. (2015). LGBT community will never have equal rights in Malaysia, tourism minister says. *Malay Mail Online*, 11 September. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/lgb>

- t-community-will-never-have-equal-rights-in-malaysia-tourism-minister-sa [13 September 2017].
- Women's Aid Organisation. (2005). The state has no role in policing morality.
http://www.wao.org.my/backup_v1_21.7.2011/news/20050103moral.htm [13 September 2017].
- Zaydan, Abdul Karim. (1998). *Nizam al-qadha' fi al-syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.